

ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

BAHAGIAN II - MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

Seksyen 7. Kewajipan Majlis tentang kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam.

(1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Melaka selaras dengan Hukum Syarak.

(2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajipannya di bawah subseksyen (1)-

(a) untuk menjalankan segala aktiviti, yang tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak dibenarkan oleh agama Islam, khususnya memajukan perusahaan komersial dan perindustrian, yang perjalanannya ternyata kepada Majlis adalah perlu, berfaedah atau menyenangkan bagi atau berkaitan dengan penunaian kewajipan yang sedemikian, termasuklah membuat, memasang, memproses, membungkus, menggreged dan memasarkan keluaran-keluaran;

(b) untuk menggalakkan penjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang lain, dan bagi maksud itu untuk menubuhkan atau memperkembang, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan, badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa oleh Majlis atau secara bebas, dan untuk memberikan bantuan kepada badan-badan itu atau badanbadan atau orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan untuk menjalankan apaapa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya;

(c) untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian bersama badan-badan lain atau mana-mana orang, termasuklah jabatan-jabatan atau pihak-pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau sebagai ejen pengurus atau selainnya bagi pihak Kerajaan Negeri;

(d) untuk melabur dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 dan melupuskan pelaburan itu atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis;

(e) untuk menubuhkan apa-apa skim bagi pemberian pinjaman daripada Baitulmal kepada individu beragama Islam bagi pendidikan tinggi;

(f) untuk menubuhkan dan menyenggarakan sekolahsekolah Islam dan institusi-institusi latihan dan penyelidikan Islam;

(g) untuk menubuhkan, menyenggarakan dan menguruskan rumah-rumah kebajikan untuk anak yatim; dan

(h) untuk melakukan segala perbuatan yang difikirkan oleh Majlis dikehendaki atau suaimanfaat.
